

# Pembibakan buah-buahan

## - Kaedah tut

Oleh JUNIZAWATI MOHD ZIN

junizawati@putra.upm.edu.my

Taman Pertanian Universiti

**P**EMBIAKAN pokok buah-buahan secara tampang melibatkan bahagian vegetatif yang terdapat pada bahagian pokok tersebut.

Terdapat pelbagai kaedah pembibakan tampang sama ada menggunakan keratan, organ khas, lenturan ataupun cantuman.

Pembibakan tampang dilakukan sekiranya tanaman tidak berupaya mengeluarkan biji benih dengan banyak ataupun biji benih yang diperolehi tidak dapat menghasilkan pokok yang sama dengan pokok induk/baka yang dikehendaki.

**Tips pertanian**



bersama  
**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
SUKAMAJU KEDAI


### Tip

- Ranting/dahan yang dipilih daripada jenis kayu separa keras (anggaran sebesar batang pensel)
- Antara media pengakaran yang boleh digunakan ialah tanah campuran dengan nisbah 2:1 (tanah peroi:organik), JIFFY 7, sabut atau vermiculite.
- Hormon penggalak akar mengandungi IBA untuk membantu menggalakkan pengeluaran akar.
- Tut yang berjaya akan mengeluarkan akar selepas satu hingga tiga bulan ia dilakukan.

### PERALATAN



### PENGAKARAN



## LANGKAH - LANGKAH



1



2a



2b



2c



3



5



4

1. Pilih ranting/dahan yang sesuai. Bersihkan ranting/dahan tersebut.
- 2a) Buat kelaran pertama sekeliling bawah mata tunas dan kelaran kedua 1" - 1  $\frac{1}{2}$ " di bawah kelaran pertama.
- 2b) Buat kelaran melintang di antara kelaran pertama dan kedua.
- 2c) Kupas kulit dan kikis kambium (lendir) sehingga kering.
3. Sapu hormon penggalak akar pada kelaran yang pertama.
4. Ikat plastik lutsinar dan lekapkan media pengakaran pada kelaran yang telah dibuat.
5. Balut dan ikat dengan kemas media pengakaran tersebut.